

Akaun Semasa-i HomeLink dan Akaun Semasa-i PropertyLink Soalan-Soalan Lazim

S1: Apakah IFSA 2013?

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSA) 2013 adalah Akta yang mengawal dan menyelia institusi kewangan Islam untuk mempromosikan kestabilan kewangan, memastikan pematuhan Syariah dan juga sebarang perkara yang berkaitan, berbangkit atau sampingan.

Akta tersebut memperkenalkan dua klasifikasi utama produk untuk penerimaan wang daripada pelanggan oleh bank-bank Islam sama ada ke dalam akaun deposit atau akaun pelaburan Islam.

Di bawah definisi baharu ini, semua produk deposit yang mengguna pakai kontrak Syariah *Mudarabah* (perkongsian untung) dan *Wakalah bi al-istithmar* (perwakilan untuk tujuan pelaburan) akan diklasifikasikan sebagai produk pelaburan, bukannya produk deposit. Oleh yang demikian, manfaat dan keistimewaan produk deposit tidak akan lagi diguna pakai, contohnya perlindungan daripada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

S2: Dengan definisi baharu untuk deposit ini, apakah yang akan berlaku kepada akaun saya?

Selepas mendapat persetujuan anda, sebarang produk Akaun Semasa-i HomeLink/ PropertyLink sedia ada berasaskan kontrak Syariah *Mudarabah* akan diklasifikasikan semula kepada produk-produk akaun pelaburan berasaskan kontrak Syariah *Wakalah bi al-istithmar*. *Wakalah bi al-istithmar* merujuk kepada satu aturan yang mana pelanggan melantik bank sebagai wakil bagi tujuan pelaburan. Di bawah *Wakalah bi al-istithmar*, keuntungan yang diperolehi bukan lagi berdasarkan Nisbah Perkongsian Keuntungan ("PSR") yang dipersetujui. Sebaliknya, Kadar Pulangan Jangkaan ("ERR") indikatif akan disediakan dan Kadar Pulangan Sebenar ("ARR") akan dikreditkan ke dalam akaun (akaun-akaun) baharu anda secara automatik pada setiap bulan.

S3: Bilakah tarikh pengklasifikasian semula?

Selepas penerimaan anda, pelaksanaan pengklasifikasian semula dijadual untuk dilaksanakan pada 24 Jun 2015, untuk mengklasifikasi semula produk-produk Akaun Semasa-i HomeLink/ PropertyLink yang berasaskan prinsip Syariah *Mudarabah* kepada produk-produk Akaun Pelaburan-i HomeLink/ PropertyLink yang berasaskan kontrak Syariah *Wakalah bi al-istithmar*.

S4: Bagaimanakah pemetaan akaun-akaun sedia ada saya selepas pengklasifikasian semula?

Sedia Ada		Baharu
Akaun Semasa-i HomeLink <i>Mudarabah</i> (perkongsian untung) Klasifikasi: Deposit	⇒	Akaun Pelaburan-i HomeLink <i>Wakalah bi al-istithmar</i> (perwakilan untuk tujuan pelaburan) Klasifikasi: Pelaburan

Akaun Semasa-i PropertyLink
Mudarabah (perkongasian untung)
Klasifikasi: Deposit



Akaun Pelaburan-i PropertyLink
Wakalah bi al-istithmar
(perwakilan untuk tujuan pelaburan)
Klasifikasi: Pelaburan

S5: Adakah terdapat sebarang perubahan ke atas nombor akaun (akaun-akaun) saya?

Nombor akaun (akaun-akaun) anda kekal tanpa perubahan tetapi nama produk dan kontrak Syariah akan ditukar seperti yang dinyatakan di S4. Seterusnya, kesemua operasi akaun (akaun-akaun) sedia ada juga kekal tanpa sebarang perubahan selepas pengklasifikasian semula.

S6: Bolehkah saya terus menggunakan kad ATM dan buku cek sedia ada saya?

Ya. Anda boleh terus menggunakan kad ATM dan buku cek sedia ada anda seperti sedia kala.

S7: Apakah manfaat-manfaat Akaun Pelaburan-i HomeLink/ PropertyLink?

Manfaat-manfaat akaun tersebut adalah seperti berikut:

- Lebih banyak dana di dalam Akaun Pelaburan-i HomeLink/ PropertyLink anda, lebih banyak penjimatan anda untuk keuntungan pembiayaan melalui ciri pengaitan.
- Akaun bersepadu dengan penyata bulanan yang digabungkan untuk pemantauan mudah.
- Pengeluaran tunai segera melalui Mesin Juruwang Automatik (ATM) atau buku cek.
- Dana di dalam Akaun Pelaburan-i HomeLink/ PropertyLink mempunyai potensi untuk meningkatkan tempoh pembiayaan.
- Pelaburan berisiko rendah tanpa tempoh matang dan sekatan ke atas pengeluaran atau pelaburan tambahan.

S8: Merujuk kepada S3, apakah yang perlu saya lakukan untuk mengklasifikasi semula akaun saya kepada Akaun Pelaburan?

Anda perlu memberi maklum balas berkenaan keputusan anda kepada kami dengan menandatangani Borang Maklum Balas dan Borang Penilaian Kesesuaian yang dilampirkan bersama surat individu yang diposkan ke alamat surat-menyurat anda selewat-lewatnya 17 Jun 2015 melalui saluran-saluran berikut:

- Pos menggunakan sampul surat berbayar (dalam Malaysia sahaja) yang dilampirkan bersama surat individu anda
- Kunjungi cawangan terdekat AmBank Islamic/ AmBank

S9: Oleh kerana ini adalah Akaun Pelaburan, adakah wang saya dilindungi dan dijamin?

Seperti yang ditakrifkan di dalam IFSA 2013, tiada jaminan ke atas amaun prinsipal yang dilaburkan bagi sebarang produk pelaburan. Walau bagaimanapun, pelaburan bertujuan untuk menyediakan pengekalan modal dan jaminan kewangan kepada anda dengan risiko yang rendah.

S10: Selepas pengklasifikasian semula, adakah akaun saya akan dilindungi PIDM?

Oleh kerana akaun ini diklasifikasikan sebagai Akaun Pelaburan, ianya tidak akan dilindungi PIDM.

S11: Apakah yang akan berlaku kepada Akaun Semasa-i HomeLink/ PropertyLink sedia ada saya sekiranya sayatidak ingin untuk ianya diklasifikasikan semula?

Sekiranya anda tidak ingin mengklasifikasikan semula Akaun Semasa-i HomeLink/ PropertyLink sedia ada anda, Akaun Semasa-i HomeLink/ PropertyLink yang berasaskan kontrak *Mudarabah* akan ditutup dan baki lebihan akan dipindahkan ke dalam Akaun Semasa-i Asas (akaun berasaskan fi). Secara efektif, Akaun Semasa-i HomeLink/ PropertyLink akan diasingkan daripada akaun pembiayaan anda dan anda tidak lagi boleh menikmati lebih penjimatan dalam Akaun Pembiayaan-i HomeLink/ PropertyLink anda. Walau bagaimanapun, sebarang aturan pembayaran sedia ada seperti arahan tetap, auto debit dan sebagainya tidak akan terganggu dan boleh terus digunakan.

Untuk sebarang pertanyaan dan penjelasan, sila hubungi *IFSA Helpdesk* kami di 03-2167 3836/ 03-2167 3790 dari 9.00 pagi hingga 5.30 petang, Isnin hingga Khamis dan 9.00 pagi hingga 4.30 petang pada hari Jumaat. Sebagai alternatif, anda juga boleh mengunjungi cawangan terdekat anda atau hubungi Pusat Panggilan kami di 03-2178 8888.

S12: Adakah terdapat sebarang fi dan caj dikenakan selepas pengklasifikasian semula?

Ya, fi dan caj sedia ada kekal tanpa perubahan dengan tambahan 6% Cukai Barangan dan Perkhidmatan.